

1983

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA ORANG-ORANG KANAN ATAU +LEFTENAN+ KEPADA TOKOH-TOKOH TERTENTU YANG MEMINATI JAWATAN DALAM PARTI DAN KERAJAAN SUPAYA JANGAN TERLALU GHAIRAH BERKEMPEN SEHINGGA TIDAK MENGHIRAUKAN PERBUATAN MEREKA ITU BOLEH MENGHANCURKAN PARTI.

PERDANA MENTERI YANG BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI BERKATA +KEDUDUKAN MEREKA (LEFTENAN-LEFTENAN ITU) DALAM KERAJAAN BUKANLAH BEGITU KEMAS. OLEH ITU BERHATI-ATILAH.+

AMARAN DATUK SERI DR. MAHATHIR INI DISAMBUUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH OLEH KIRA-KIRA 1,300 RANG PERWAKILAN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA LEFTENAN-LEFTENAN ITU BERKEMPEN KONONNYA ATAS NAMA DEMOKRASI DAN LANGSUNG MEMBELAKANGKAN ADAT DAN TRADISI.

+TIDAK ADA HAD DAN BATASAN APABILA MEREKA INI BERKEMPEN. AKIBATNYA, AITU KEHANCURAN PARTI, TIDAK SAMA SEKALI DIHIRAUKAN.

+SEBAB ITU, HAMPIR DUA TAHUN SEBELUM PEMILIHAN MAJLIS TERTINGGI (UMNO) MEREKA TELAH MERANCANG DAN MENJALANKAN KEMPEN MEREKA,+ AMBAHNYA.

-- LAGI 1500/AZ

MAHATHIR-MARAN 2 UALA LUMPUR

BELIAU MENGINGATKAN PARA PERWAKILAN BAHAWA UMNO ADALAH KEPUNYAAN SEMUA ANGGOTA PARTI DAN HANYA MEREKA SAJA BOLEH MENENTUKAN SAMADA UMNO AKAN TERUS KUAT DAN BERJAYA ATAU GAGAL DAN HANCUR LEBUR.

KEPIMPINAN, KATA NYA, CUMA MERUPAKAN ALAT YANG DIAMANAHKAN OLEH PARA ANGGOTA MENERUSI KUASA YANG TERTINGGI SEKALI DALAM PARTI IAITU PERHIMPUNAN AGUNG.

+OLEH ITU BERHATI-HATILAH TERUTAMA PADA TAHUN 1954 (BILA PEMILIHAN DIADAKAN). JANGANLAH KERANA KEPENTINGAN SESEORANG MAKA NASI MENJADI BUBUR,+ BELIAU MENGINGATKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAGI DIRINYA TEMPAT (JAWATAN PRESIDEN) YANG DIISIKAN TIDAK BERGUNA MELAINKAN UNTUK MENENTUKAN KEPENTINGAN UMNO DIPELIHARA BERSAMA DENGAN KEPENTINGAN AGAMA DAN NEGARA.

+YANG PENTING DAN UTAMA BUKAN SAYA TETAPI UMNO. SEGALA-GALA YANG SAYA PERKATAKAN ADALAH UNTUK UMNO, BERMAKNA JUGA UNTUK ORANG MELAYU, AGAMA DAN NEGARA,+ AGAMA DAN NEGARA,+ JELASNYA.

-- LAGI 1503/AZ

ZCZC B576

MAHATHIR-AMARAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSYUKUR KERANA DALAM MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI PRESIDEN PARTI DAN PERDANA MENTERI BELIAU DIBANTU OLEH RAKAN-RAKAN YANG CENAP.

BELIAU BERKATA BERSAMA-SAMA DENGAN DATUK MUSA HITAM SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, ATU PASUKAN YANG BERKESAN TELAH DIWUJUDKAN UNTUK MEMBUAT BEBERAPA PERUBAHAN YANG DIANGGAP PENTING UNTUK KESEJAHTERAAN NEGARA.

+SAYA BERTERIMA KASIH KEPADA PERWAKILAN TAHUN 1951 YANG MEMILIH SEORANG TIMBALAN PRESIDEN YANG BOLEH BEKERJASAMA SEBAGAI SATU PASUKAN DENGAN SAYA. DENGAN KERJASAMA INI MAKA KEPIMPINAN MENJADI LEBIH MUDAH DAN BERKESAN,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENERANGKAN BAHAWA SETIAP ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI DAN JEMAAT MENTERI MEMPUYAI PERANAN YANG PENTING DALAM JAWATAN Masing-masing.

ATANYA WALAUPUN RAMALAN-RAMALAN KERAP DIBUAT TENTANG ROMBAKAN KABINET, TIDAK BANYAK PERUBAHAN DIBUAT, ELAINKAN MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN.

+SEBABNYA IALAH KERANA PERTUKARAN TIDAK DILAKUKAN SEMATA-MATA KERANA INGINKAN PERTUKARAN, TETAPI SEBALIKNYA KESTABILAN ADALAH DIANGGAP LEBIH UTAMA,+ KATANYA.

-- LAGI 1506/AZ

ZCIC B577

MAHATHIR-AMARAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN PENGGUNAAN KUASA TIDAK DIBUAT KERANA KUASA ADA DALAM TANGAN TETAPI CUMA APABILA KUASA PERLU DIGUNAKAN. KADAHNYA ADALAH SAMA DENGAN AMALAN SISTEM DEMOKRASI.

+BUKANLAH KERANA HAK DIBERI OLEH DEMOKRASI HAKA HAK INI MESTI DIGUNAKAN KASA, SEPERGI JUGA HAK, MESTI DIGUNAKAN DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB DAN KEBIJAKSANAAN, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI BAHAWA SEMANGAT BERPASUKAN PERLU ADA JIKA SESUATU PASUKAN ITU INGIN MENCAPAI KEJAYAAN.

ASUKAN ITU AKAN GAGAL, KATANYA, JIKA SESEORANG ANGGOTANYA MEMPUYAI CITA-ITA YANG TERSENDIRI DAN MEMBELAKANGKAN PASUKAN.

-- LAGI 1509/AZ

CIC B573

MAHATHIR-AMARAN 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENGECEM HEBAT TABIAT MELEMPAR FITNAH YANG MENURUTNYA KINI BERLELUSA DI KALANGAN MASYARAKAT, MALAH DI KALANGAN ANGGOTA DAN PENYOKONG UMNO.

BELIAU MEMBERIKAN BEBERAPA CONTOH FITNAH YANG PERNAH DILEMPARKAN ANTARANYA CERITA TENTANG JEPUN DAN KOREA MENYOGOK DUIT KEPADA ORANG-ORANG TERTENTU, TENTANG PEMIMPIN TERTENTU KONONNYA BERKAHWIN LAGI ATAU MEMPUYAI SIMPANAN, ATAU SELALU MINUM ARAK.

SASARAN FITNAH-FITNAH INI, MENURUTNYA, BUKAN SAJA PARA MENTERI TETAPI JUGA ORANG-ORANG YANG BERJAWATAN TINGGI.

SATU CONTOH FITNAH YANG DISEBUT IALAH TENTANG SEORANG MENTERI YANG AMAT KURUS SEMASA BERTANDING TELAH DITABURI FITNAH KONONNYA BELIAU TELAH BERKAHWIN LAGI.

HARI INI MENTERI ITU TELAH BERSARA DAN TIDAK ADA CERITA LAGI. BAHKAN KITA TAHU ERITA ITU TIDAK BENAR,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1512/AZ

MAHATHIR-MARAN 6 KUALA LUMPUR

SEORANG MENTERI LAIN DARI NEGERI +HANG TUAH+ JUGA TURUT MENJADI SASARAN FITNAH DAN BERMACAM-MACAM RISALAH DIEDARKAN.

+TETAPI HARI KITA TAHU CERITA-ERITA YANG MENARIK ITU TIDAK BENAR SAMA SEKALI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERNKATA BAGAIMANAPUN YANG ANEHNYA IALAH WALAUPUN MENGETAHUI BAHAWA CERITA-CERTITA ITU ADALAH FITNAH BELAKA,+TETAPI KALAU ADA CERITA BARU, KITA TIDAK MENOLAK DAN KITA TERIMA BULAT-ULAT DAN KITA TURUT MENGEDARKANNYA.+

BELIAU MEMBERI AMARAN FITNAH MEMPUYAI KESAN YANG AMAT BURUK DALAM SESEBUAH NEGARA DEMOKRATIK KERANA MELALUI FITNAH KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP DASAR DAN KEPIMPINAN DAPAT DIMUSNAHKAN DAN MASYARAKAT MALAH NEGARA BOLEH HANCUR.

+ASYIK MENDENGAR DAN MEMBISIKAN FITNAH DAN MENYEBAR RISIAHLAH, IDAK ADA SATU PUN RANCANGAN YANG BOLEH BERJAYA DAN AKHIRNYA RAKYAT SENDIRI AKAN MENDERITA DAN HUNGKIN NEGARA AKAN TERGADAI.

+SEDIHNYA DALAM MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI FITNAH DIJADIKAN ALAT POLITIK BUKAN SAJA DALAM PARTI KITA TETAPI OLEH PARTI LAWAN YANG TIDAK ADA MODAL YANG BENAR,+ TAMBAHNYA.

-- BERNAMA 1515/AZ